



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
12 OGOS 2020 (RABU)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Mungkin ada tangkapan lagi
MUKA SURAT	11

Mungkin ada tangkapan lagi

SPRM tidak menolak kemungkinan ada penguat kuasa yang akan ditahan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA

Suruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjangkakan beberapa tangkapan lagi dibuat susulan kes perjudian dan penjualan rokok haram di Sungai Buloh, Selangor.

Bagaimanapun, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Bakri tidak mendedahkan agensi penguat kuasa yang berkemungkinan ditahan itu.

“Saya jangka ada lagi tangkapan dan saya ucap terima kasih kepada pemberi maklumat yang berani tampil.

“Saya minta semua sabar dan di peringkat kami akan menjalankan penguatkuasaan di bawah bidang kuasa kami,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program SPRM PUBG Mobile i-Challenge di Ibu Pejabat SPRM



Azam ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Program SPRM PUBG Mobile i-Challenge di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya semalam.

m/s - II

Putrajaya di sini semalam.

Azam berkata demikian susulan pihaknya menahan empat pegawai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang dipercayai melindungi premis-premis perniagaan tanpa lesen di Sungai Buloh, Selangor semalam.

Menjawab pertanyaan sama ada terdapat kawasan lain yang turut di-dedahkan berkaitan kegiatan sedemikian, beliau berkata, perkara itu tidak dinafikan.

“Saya tak nafikan yang kami terima maklumat daripada seluruh

negara berhubung kawasan perjudian atau rumah urut dan sebagainya yang dilindungi pihak berkuasa. Dalam kita nak siasat rasuah ini, kita perlukan bukti dan keterangan saksi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau juga ingin menyatakan bahawa SPRM sentiasa bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengenal pasti kawasan terlibat.

“Mana-mana yang berada di bawah bidang kuasa polis, kita serahkan kepada polis untuk tindakan. Untuk kami, kami melihat dalam isu rasuah sahaja,” katanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SPRM tahan empat pegawai MBSA
MUKA SURAT	11

SPRM tahan empat pegawai MBSA

m/s-11

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) semalam selepas dipercayai mengutip dan menerima rasuah secara bulanan bagi melindungi premis perniagaan tanpa lesen di Sungai Buloh, Selangor.

Menurut sumber, dalam operasi yang dijalankan bermula jam 9 pagi itu, tiga pegawai penguat kuasa berusia lingkungan 41 hingga 49 tahun ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika dipanggil memberi keterangan manakala seorang lagi pegawai MBSA berusia 39 tahun ditahan jam 5 petang semalam.

Siasatan mendapati dua penguat kuasa terbabit bertugas di cawangan Sungai Buloh dan seorang lagi di Shah Alam.

Selain itu, SPRM turut menahan peniaga rokok seludup warga Aceh yang tular menerusi Facebook Hot Burger Malaysia kelmarin kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan.

Sumber berkata, peniaga terbabit telah beroperasi sejak tahun lalu dan dikatakan membayar wang rasuah sebanyak RM300 sebulan kepada penguat kuasa bagi mengelakkan sebarang tindakan.

Tambah sumber, penguat kuasa yang ditahan dipercayai menerima rasuah antara RM300 hingga RM3,500 sebulan bagi sebuah premis perniagaan.

“Ini termasuk premis yang menjalankan perniagaan kedai makan tanpa lesen, penjualan rokok dan gerai yang menjalankan perniagaan di tempat yang tidak dibenarkan serta premis perjudian.

“Ada juga yang berperanan sebagai pengkhianat dengan membocorkan maklumat berhubung operasi yang akan dilaksanakan. Ini menyebabkan setiap operasi yang dijalankan gagal dan telah diketahui awal oleh peniaga haram ini,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan tidak menolak ia ia kutipan rasuah secara bersindiket dalam kalangan anggota penguat kuasa terbabit.

Hari ini, keempat-empat penguat kuasa MBSA itu dan seorang penjual rokok dijangka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya jam 9 pagi bagi permohonan reman.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MBSA tidak akan berkompromi kakitangan tidak berintegriti
MUKA SURAT	11

MBSA tidak akan berkompromi kakitangan tidak berintegriti *m/s-11*

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan penahanan empat anggotanya oleh agensi itu.

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA menerusi satu kenyataan turut menegaskan pihaknya



tidak akan berkompromi dan melindungi kakitangan yang tidak berintegriti dan menyalah gunakan kuasa.

"MBSA juga menasihati orang ramai supaya memberi maklumat berkaitan dengan

salah laku kakitangan kami dengan melaporkan menerusi e-mel kepada aduanintegriti@mbsa.gov.my atau

melalui talian 03-55105133 sambungan 1671," katanya.

Sebelum ini, dua video dimuat naik oleh pentadbir akaun Facebook Hot Burger Malaysia mendedahkan berkaitan aktiviti perjudian sekitar Jalan Besar, Bandar Baru Sungai Buloh serta perniagaan yang diusahakan warga Indonesia keturunan Aceh yang menjual rokok seludup dikatakan 'kebal' kerana tidak pernah dikenakan sebarang tindakan.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Wang pelincir makan bulan
MUKA SURAT	1

PENDEDAHAN ASRI JANGGUT:
SPRM BERKAS PENGUAT KUASA MBSA

WANG PELINCIR MAKAN BULAN

MS-1

MS880

RM300 hingga RM3,500 sebulan.
Ilu jumlah dibayar peniaga asing dan pengendali mesin judi haram di sekitar Sungai Buloh. kepada penguat kuasa sebagai wang perlindungan atau wang pelincir setiap bulan. Jumlah bayaran diterima itu terbongkar selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 4 pegawai penguat kuasa MBSA dan seorang peniaga warga Aceh. kelmarin. lapor Muhamad Hafis Nawawi.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Kena sogok RM 3,500 sebulan
MUKA SURAT	11

Kena sogok RM3,500 sebulan

Pendedahan Asri Janggut: 4 pegawai penguat kuasa MBSA lindungi aktiviti judi ditahan SPRM

m/s-8

Oleh Muhamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Putrajaya

Terima 'wang perlindungan' atau sogokan RM300 hingga RM3,500 sebulan bagi setiap premis yang menjalankan aktiviti perjudian.

Itu antara maklumat awal diperoleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan penahanan empat pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Cawangan Sungai Buloh semalam.

Mereka dipercayai mengutip serta menerima rasuah secara bulanan bagi melindungi

premis perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen di sekitar daerah itu.

Menurut sumber, dalam operasi yang dijalankan bermula jam 9 pagi semalam, seramai tiga pegawai penguat kuasa berwasia antara 41 dan 49 tahun ditahan di ibu pejabat SPRM Putrajaya selepas dipanggil memberi keterangan.

Suspek keempat yang berusia 39 tahun ditahan SPRM kira-kira jam 5 petang semalam.

"Mereka disiasat itu membabitkan dua penguat kuasa dari Cawangan

Sungai Buloh dan seorang daripada MBSA Shah Alam.

"SPRM turut menahan peniaga rokok seludup berbangsa Aceh seperti yang tular dalam video sebelum ini kerana tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan dan akan diserahkan kepada pihak imigresen bagi tindakan lanjut," katanya.

Menurut sumber, peniaga terabit beroperasi sejak 2019 dan membayar wang rasuah sebanyak RM300 sebulan kepada penguat kuasa

kuasa terbit bagi mengelakkan sebarang tindakan.

"Tangkapan ini susulan pendedahan yang tular pada klip video di media sosial yang mendakwa pihak berkuasa gagal dalam memantau dan menguatkuasakan undang-undang selain dikatakan menerima rasuah daripada premis perniagaan tanpa lesen yang menjalankan haram termasuk penjualan rokok seludup dan aktiviti perjudian di sekitar Sungai Buloh," katanya.

Sumber berkata, penguat kuasa MBSA yang ditahan dipercayai menerima rasuah antara RM300 ke RM3,500 sebulan bagi setiap sebuah premis perniagaan.

RM3,500 sebulan bagi setiap sebuah premis perniagaan.

"Ini termasuk premis yang menjalankan perniagaan kedai makan tanpa lesen, penjualan rokok dan gerai yang menjalankan perniagaan di tempat yang tidak dibenarkan dan premis perjudian."

"Ada juga yang berperanan sebagai pengkhianat dengan membocorkan maklumat berhubung operasi yang akan dilaksanakan. Ini menyebabkan setiap operasi yang dijalankan gagal dan sudah diketahui awal oleh peniaga haram ini," katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika

dihubung mengesahkan tangkapan itu dan tidak menolak ia kutipan rasuah secara bersindiket dalam kalangan anggota penguat kuasa.

Beliau menggesa mana-mana pihak yang mempunyai maklumat lanjut berhubung aktiviti rasuah dalam kalangan penguat kuasa untuk tampil memberikan kerjasama. Identiti dan maklumat pemberi maklumat akan dilindungi sepenuhnya.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

"Semua yang ditahan akan dihadapkan ke mahkamah bagi permohonan reman mengikut seksyen 117 Kanun Acara Jenayah," katanya.



Penguat kuasa MBSA yang ditahan dipercayai menerima rasuah RM300 hingga RM3,500 sebulan bagi sebuah premis perniagaan"

Sumber



KETUA Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendant Shafiqaton Abu Bakar (tiga dari kanan) ketika serbuan ke atas sebuah pusat judi haram di Bandar Baru Sungai Buloh.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Tak lindungi kakitangan tiada integriti
MUKA SURAT	8

Tak lindung kakitangan tiada integriti

m/s-8

Shah Alam: "Ia sudah menjadi kes SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia). Biar SPRM siasat dan kalau betul ada kes, mereka akan didakwa," kata Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam MBSA, Datuk Haris Kasim.

Haris menegaskan pihaknya tidak akan dan pernah melindungi mana-mana kakitangan yang tidak berintegriti terutama membabitkan rasuah.

Beliau berkata, penjawat awam yang melakukan kesalahan jenayah akan berhadapan hukuman tataterbit termasuk hukuman dibuang kerja.

"MBSA akan memberi kerjasama penuh dengan Su-

Polis kumpul bukti

Kuala Lumpur: Tindakan tegas dan tahan kerja menanti pegawai dan anggota polis jika siasatan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman mendapati mereka terbabit melindungi atau bersekongkol dengan sindiket perjudian di Sungai Buloh susulan pendedahan video Asri Janggut.

Pengarah JIPS Bukit Aman Datuk Zamri Yahya berkata, Bukit Aman dan JIPS sedang menjalankan siasatan lanjut dan kini proses mengumpul bukti dan keterangan sedang dilakukan.

"Kita sedang mengumpul terlebih dahulu bukti sebelum tindakan seterusnya diambil," katanya.

ruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha menangani isu ini.

"Semalam (kelmarin) MBSA juga sudah mengadakan

mesyuarat dengan SPRM berhubung perkara ini.

"Saya tidak akan melindungi pegawai dan kakitangan yang tidak berintegriti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pernahanan tiga pegawai penguat kuasa MBSA Cawangan Sungai Buloh kerana dipercayai menerima rasuah.

Haris berkata, bagi kes pernahanan tiga pegawai penguat kuasa itu, pihaknya menyerahkan sepenuhnya kepada SPRM untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, pihaknya akan bertindak lebih tegas terhadap mana-mana kakitangan yang terbabit dengan kesalahan seumpama itu.

"Ini soal integriti, dari semasa ke semasa saya kerap memberikan peringatan dan amaran dalam pelbagai platform," katanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SPRM tak menolak ada tangkapan lain
MUKA SURAT	11

SPRM tak menolak ada tangkapan lain

m/s-8

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan ada lagi anggota penguat kuasa agensi lain yang akan ditahan suruhanjaya itu berhubung kes melindungi aktiviti haram di Sungai Buloh.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, setakat ini pihaknya menahan anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan tidak tolak kemungkinan tindakan sama diambil membabitkan

penguat kuasa agensi lain.

“Yang mana pihak terbabit (dalam kes berkenaan) sudah tentu kita akan siasat,” katanya kepada Harian Metro ketika ditemui selepas melancarkan Program SPRM PUBG Mobile i-Challenge, di Ibu Pejabat SPRM di sini, semalam.

Pada masa sama, Azam turut meminta masyarakat supaya bersabar bagi membolehkan pihaknya menjalankan tindakan penguatkuasaan bawah bidang kuasanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Three council officers believed to protect illegal businesses nabbed
MUKA SURAT	8

Three council officers believed to protect illegal businesses nabbed

By MAZWIN NIK ANIS
newsdesk@thestar.com.my

m/s - 8

PUTRAJAYA: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has arrested three enforcement officers from the Shah Alam City Council who are believed to have accepted bribes to protect illegal businesses around Sungai Buloh.

The arrests were made when the three, aged between 41 and 49, were summoned to the MACC headquarters for questioning.

Two of the officers were from the council's office in Sungai Buloh while one was from the headquarters.

Sources said a cigarette smuggler was also arrested. He is believed to be a foreigner who is here without a valid document.

It is learnt that the man who has been operating since 2019 is believed to have been paying certain officials around RM300 a month to avoid arrest.

The suspect will be surrendered to the Immigration authorities for further action.

Sources said the arrests were made following an expose in a viral video clip which claimed that authorities failed to enforce the law against illegal activities as well as alleged corruption in Sungai Buloh.

Initial investigations showed that the enforcement officers arrested received between RM300 and RM3,500 a month from business outlets.

"This included eateries operating without licence, sales of illegal cigarettes, premises operating illegal gambling and stalls operating in prohibited areas.

"We also believe some played the role as informers to these illegal businesses should there be an operation," said a source.

MACC deputy chief commissioner (operations) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya confirmed the arrests. He also did not discount the possibility that more arrests will be made and that this was the work of a syndicate among enforcement personnel.

"I urge those with information on corrupt activities among enforcement personnel to alert the MACC. Rest assured that your identity will be fully protected," he said.

On Monday, the MACC said that it would investigate claims that certain enforcement authorities were on the take and protecting illegal businesses in Sungai Buloh.

Home Minister Datuk Seri Hamzah Zainudin had assured that action will be taken against those involved in alleged illegal gambling dens in Sungai Buloh.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR -starmetro
TAJUK BERITA	Ensure safety at factories in Selangor, reminds MB
MUKA SURAT	4

Ensure safety at factories in Selangor, reminds MB

m/s-4

have been stored and it triggered widespread destruction across the city.

"We have to take this seriously in order to prevent such a tragedy from happening here.

"The responsibility to ensure this is prevented does not fall only on enforcement officers but also factory owners and those in the manufacturing industry to ensure

safety aspects are adhered to and met with," he said.

Amirudin further cited two examples of explosions which happened at two factories in Selangor.

The first was an explosion at Sungai Buloh Light Industrial Park in 2006, where a store with about 500 liquefied petroleum gas tanks went up in flames.

No one was injured as workers

managed to run to safety but during a more recent incident, an ammonia gas leak at an ice factory in Shah Alam, saw two workers dead and 18 others injured.

"The safety aspects and regulations come under the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) but at the state level, we are also actively monitoring factories to ensure they comply with

the rules," said Amirudin.

He said the state had tightened the regulations from time to time but there was only so much the enforcement authorities could do if the owners themselves were not responsible enough.

"I hope that all in the industry will take safety very seriously and always be responsible for activities in their factories," he added.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR -starmetro
TAJUK BERITA	Buyers finally keys to houses in Selangor after 20-year wait
MUKA SURAT	5

Buyers finally get keys to houses in Selangor after 20-year wait

M/s -5

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

THE two-decade wait for their home to be completed has finally ended as housebuyers of the Rumah Idaman Warisan in Alam Perdana Kuala Selangor have received their keys.

Abandoned in 1999, the development consisting of 203 double-storey terrace units, was known as Arcadia before the Selangor government together with Worldwide Holdings Sdn Bhd and LBS Bina Group Bhd revived and renamed it.

Measuring 20x60ft, each house comes with four bedrooms and three bathrooms.

"I am so happy to hand over the keys to this development, which the homeowners have been waiting for over two decades," said Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, adding that the handover ceremony was initially scheduled for earlier this



Amirudin (front row, centre) with recipients of the Rumah Idaman Warisan in Alam Perdana, Kuala Selangor.

year but postponed due to the movement control order.

In 2016, the state decided to take on the abandoned project through Menteri Besar

Incorporated (MBD) and worked with Worldwide Holdings and LBS Bina Group to find a solution.

"This proves our commitment

in helping the people, especially when all the homeowners who were previously burdened by loans, can now enjoy the house for free after we revived it.

"We even threw in extra items which were not in the sale and purchase agreement as an incentive, including three units of air-conditioning, a kitchen set, television set, wardrobe and refrigerator," said Amirudin.

He said the homeowners could move in with just their personal belongings.

He announced that there were a number of abandoned projects that the state government planned to revive, despite the many challenges in each project.

"It is not easy. Even with this project, we faced quite a bit of challenge due to the law and a few technical aspects that had to be looked into."

Amirudin said some original owners were hard to reach, citing that for Rumah Idaman Warisan project, some of the original owners had passed on without even getting the chance to see or live in the houses they purchased.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	THE STAR -starmetro
TAJUK BERITA	Selangor MB's sentimental attachment to No. 16
MUKA SURAT	7

Selangor MB's sentimental attachment to No.16

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

THE number 16 holds a special place in the heart of Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"I am the 16th menteri besar of Selangor, and my state constituency, Sungai Tua, is denoted N16 by the Election Commission.

"And in 2016, I was the manager of the state football club, although after that, I was no longer directly involved," he said.

Amirudin recounted his sentimental attachment to the number after receiving a Liverpool jersey bearing the number 16 during the launch of the club's new kit by

Al-Ikhsan at Sunway Pyramid in Petaling Jaya.

A fan of the newly-crowned English champions, the Mentri Besar said the teamwork shown by the club's players was something to follow, in light of the Covid-19 pandemic and subsequent economic challenges.

The team's determination to succeed bore fruit when it ended its 30-year wait to emerge Premier League champion this year, he said.

"Their spirit to keep on fighting brought them success and we, Malaysians, would do well to emulate that spirit," he added.

Also present at the event was Al-Ikhsan chief executive officer

Vach Pillutla. m/s - 7

On the refurbishment plan for Stadium Shah Alam, Amirudin said the state government was still assessing the upgrades needed.

He said it included the cost to replace the polycarbonate roof and the electrical wiring, with an overall estimate of about RM250mil.

"Discussion to repair the stadium is ongoing with the Football Association of Selangor," he said, adding that the repair of the roof would take about four to six months to complete.

"We have asked the Selangor team to move to the Petaling Jaya City Council Stadium for the time being until 2022 or 2023," he added.



Amirudin (right) receiving his No.16 jersey from Pillutla at the launch of the new Liverpool kit in Petaling Jaya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Penguat kuasa MBSA ditahan kutip wang perlindungan
MUKA SURAT	1

Susulan pendedahan Mohd Asri

Penguat kuasa MBSA ditahan kutip wang perlindungan

M/S-1

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 4 pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kerana disyaki mengutip wang perlindungan bulanan antara RM300 hingga RM3,500 daripada peniaga tanpa lesen termasuk kegiatan perjudian haram di sekitar Sungai Buloh. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki tidak menolak kemungkinan anggota penguat kuasa lain turut terbabit. **Muka 6**



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	4 pegawai penguat kuasa MBSA ditahan
MUKA SURAT	6

4 pegawai penguat kuasa MBSA ditahan m/s-6

Suspek lindungi premis perniagaan tanpa lesen, kutip wang perlindungan

Oleh Ilah Hafiz Aziz, Noor Atiqah Sulaiman dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Empat pegawai penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki melindungi premis perniagaan tanpa lesen di Sungai Buloh, semalam.

Pegawai penguat kuasa berusia antara 36 hingga 49 tahun itu turut disyaki mengutip dan menerima wang perlindungan secara bulanan RM300 hingga RM3,500 daripada peniaga dan premis tanpa lesen termasuk kegiatan perjudian haram di sekitar daerah itu.

Mereka yang ditahan terdiri daripada tiga pegawai penguatkuasa dari MBSA Cawangan Sungai Buloh dan seorang daripada MBSA Shah Alam.

Sumber berkata, penahanan pertama jam 9 pagi semalam membabitkan tiga penguat kuasa, masing-masing berusia antara 41 hingga 49 tahun dan seorang peniaga rokok seludup yang juga individu dalam video yang tular, baru-baru ini.

"Penahanan kedua pula jam 5 petang tadi (semalam) membabitkan pegawai MBSA berusia 39 ta-

hun ketika memberi keterangan di SPM Putrajaya," kata sumber itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi BH mengesahkan penahanan empat pegawai MBSA serta pelaku warga Indonesia berkenaan.

Katanya, kelima-lima suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, hari ini untuk perintah reman.

Dalam perkembangan sama, Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Seri Azam Bakri tidak menolak kemungkinan anggota penguat kuasa lain turut terbabit.

"Mana-mana pihak yang terbabit, kami (SPRM) akan siasat. Setaktak ini penguatkuasa MBSA dan mungkin ada lagi. Wallahu alam," katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan program SPM PUBG Mobile i-Challenge, di sini semalam.

Azam turut meminta semua pihak bersabar agar pihak SPM dapat menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah bidang kuasanya.

Azam berkata, SPM menerima

maklumat di seluruh negara berhubung kegiatan seperti perjudian dan rumah urut yang dilindungi pihak penguatkuasa.

"Namun demikian dalam kita nak menyiasat kes-kes rasuah, kita perlukan bukti dan sokongan daripada keterangan saksi," katanya, yang turut mengucapkan terima kasih kepada pemberi maklumat atau pengadu kerana berani tampil memberi kerjasama kepada SPM dalam membanteras kegiatan rasuah.

Ia susulan pendedahan yang dibuat pengusaha Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid, 42, menerusi video yang tular mengenai kewujudan pusat judi haram online haram serta kedai runcit menjual rokok seludup di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh.

Pendedahan itu mendapat perhatian Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin yang turun sendiri ke lokasi kejadian, manakala Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador turut mengadakan pertemuan dengan Mohd Asri atau dikenali sebagai Asri Janggut, di Bukit Aman, kelmarin.

Nasional

Ketua Polis Negara dengar penjelasan peniaga burger

Berita Harian - 12 Ogos 2020

Mohd Asri dakwa dihubungi 'Ayahanda'

Keratan akbar BH semalam.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (RABU)



AKHBAR	NEWS STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	Sg Buloh – Assam Jawa road upgrade ready by November
MUKA SURAT	11

Sg Buloh-Assam Jawa road upgrade ready by November

KUALA SELANGOR: The project to widen and upgrade the federal road from Sungai Buloh to Assam Jawa here is expected to be completed by November this year. Senior Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the upgrading of the 25km road recorded savings of RM10 million and would be completed ahead of schedule. He said the savings were due to the appointed contractor's detailed planning, besides the close rapport between federal government agencies, the contractor and the state government. The road widening and upgrading works, which commenced on Aug 10, 2016, was scheduled to be completed by April 30 next year at a cost of RM436 million. Fadillah said the project was currently 98 per cent completed. **Bernama** *m/s - II*